



**RAJA ARSHAD RAJA TUN UDA (dua dari kiri) dan Abdul Rahman Ahmad (kiri) mengiringi Wahid Omar melawat pameran selepas Majlis Pelancaran Iltizam di Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun, Kuala Lumpur, semalam.**

## Ekuinas peruntuk RM18 juta laksana CSR dalam tiga tahun

**KUALA LUMPUR 25 Feb.** - Syarikat pengurusan dana ekuiti berkaitan kerajaan, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) memperuntukkan RM18 juta bagi melaksanakan pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, jumlah itu selaras dengan pelancaran program CSR baharu syarikat itu yang dikenali sebagai Iltizam.

Kata beliau, Iltizam akan memberi fokus kepada tiga elemen utama yang mencerminkan agenda teras perniagaannya iaitu keusahawanan, pendidikan dan komuniti.

“Sepanjang tempoh lima tahun lalu, Ekuinas telah melabur lebih daripada RM13 juta untuk pelbagai aktiviti CSR melibatkan 72 golongan sasar manakala tahun ini, kita menyasarkan sebanyak 60 individu lagi di seluruh negara.

“Walaupun program CSR kami bermula dengan skala yang kecil pada 2012, namun berjaya memastikan setiap inisiatif boleh diperluaskan agar dapat membantu lebih ramai golongan sasar,” katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Program CSR, Iltizam di Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun, Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) dekat sini hari ini.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Yang turut hadir, Pengerusi

Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda dan Pengarah Program CSR Iltizam, Hizwani Hassan.

Bagi elemen pertama Iltizam, keusahawanan Ekuinas akan membantu perniagaan mikro dan kecil menerusi kerjasama dengan pihak profesional ke arah mengukuhkan operasi mereka.

“Dalam elemen pendidikan pula, Ekuinas akan menyumbang peruntukan tahunan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) dan biasiswa kepada pelajar di Ilmu Education Group (Ilmu) seterusnya Komuniti, membantu meningkat taraf bidang seni, budaya serta warisan,” katanya.

Mengulas lanjut Abdul Rahman berkata, berdasarkan Bajet 2016 yang dibentangkan Oktober tahun lalu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk Ekuinas.

Katanya, Ekuinas akan bekerja keras melaksanakan yang terbaik dalam aktiviti perniagaan pelaburan bagi melipatgandakan peruntukan tersebut.

“Meskipun dalam pengubahsuaian Bajet 2016 yang dibentangkan pada bulan lalu, tiadalah sebarang peruntukan tambahan untuk Ekuinas, namun kerajaan masih menunjukkan komitmen untuk melakukan pelbagai pelaburan.”

“Jika peruntukan untuk Ekuinas berkurangan sedikit pun, kita masih mempunyai RM2 bilion dana lain untuk aktiviti pelaburan dan operasi perniagaan,” katanya.